

# **SM St. Anthony Juara Pertandingan Video Pendek Sempena Hari Kemerdekaan Ke-60**



**17 September** – Kolej SEGI Subang Jaya telah mengumumkan keputusan pemenang bagi Pertandingan menghasilkan video pendek sempena Hari Kemerdekaan kali yang ke-60. Tema pertandingan pada tahun ini ialah “Negaraku, Malaysiaku”.

Pertandingan ini telah disertai oleh 7 buah sekolah menengah di seluruh Malaysia iaitu SMK Subang Jaya, SMK Convent Klang, SMK Batu 8 Puchong, SMK Bandar Puchong Jaya, SM St. Anthony, SMK Sungai Pelek dan SMK Sungai Manggis.

Sekolah Menengah St. Anthony Wilayah Persekutuan Labuan telah dinobatkan sebagai Johan dalam pertandingan ini dan mendapat wang tunai sebanyak RM 1,500.00.

Tempat kedua telah dimenangi oleh SMK Batu 8, Puchong

Selangor dan mendapat hadiah wang tunai sebanyak RM1000.00, manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh SMK Sungai Manggis, Banting Kuala Langat, Selangor dengan mendapat RM500.00.

Sekolah Menengah St. Anthony telah diwakili oleh empat orang murid iaitu Davson Howel Lim, Muhammad Hafiz Shahmi Bin Muslimin, C.J. Alroy Tamun C. Mahanggil dari kelas Empat Sirius dan seorang pelajar dari kelas Empat Orion iaitu Lyleornie Lauryn Lawrence. Semua pelajar ini terdiri daripada pelajar tingkatan 4.

Penganjur telah mengumumkan video yang mereka hasilkan telah ditonton oleh 100,000 orang penonton dan 12,000 orang yang menyukai serta berkongsi video tersebut.



Paparan gambar video yang dihasilkan oleh pelajar SM St Anthony

Menurut ketua kumpulan, Davson, video itu telah disiapkan oleh mereka dalam tempoh satu minggu dan mereka tidak menyangka boleh memenangi pertandingan tersebut.

Pengetua SM St. Anthony, Puan Dona Undoh sentiasa memberikan galakan, sokongan dan dorongan kepada mereka

dalam menghasilkan video ini.

Harapan pengetua agar lebih banyak lagi murid-murid SM St. Anthony menyertai pertandingan seumpama ini bagi mencungkil bakat terpendam dalam kalangan murid. Beliau amat berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh murid-murid ini.

Pihak Jabatan mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada sekolah SM St Anthony. Kecemerlangan Pendidikan dan Kemenjadian Murid Wilayah Persekutuan Labuan bermula di sini.

**Sumber Berita : Dk Suhana Pg Tassip**